

21/11/1998

Keangkuhan Amerika semakin terserlah

Rakyat Malaysia Yang Prihatin

SAYA melahirkan rasa kesal dan tidak puas hati terhadap kenyataan kontroversi yang dikeluarkan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore pada majlis malam Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Abac) pada Isnin lalu.

Kenyataannya bukan saja mengundang pelbagai kecaman dan bantahan daripada rakyat Malaysia, bahkan sentimen yang sama turut dikongsi bersama pemimpin luar negara.

Tindak-tanduk Gore itu mengesahkan keangkuhan Amerika Syarikat untuk terus mencampuri urusan dalaman negara luar termasuklah sebuah negara yang berdaulat dan merdeka seperti Malaysia.

Ini bukan sesuatu yang baru kepada Amerika kerana pada masa lalu, ia berusaha menonjolkan imej dan berfungsi sebagai polis keamanan dunia dengan bertindak mencampuri hal ehwal dalaman negara lain. Kenyataan provokatif Gore bercanggah dan berlawanan dengan batas diplomasi dan tatasusila hubungan antarabangsa.

Ternyata Gore cuba mengaibkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Malaysia selaku tuan rumah Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di depan ratusan tetamu termasuk beberapa orang ketua ekonomi negara anggota.

Kenyataan terbukanya yang menyokong gerakan reformasi bukan saja memeranjatkan hadirin malah keterlaluan dan tidak dapat diterima sama sekali. Perbuatannya meninggalkan majlis dengan tergesa-gesa selepas selesai berucap juga dianggap sebagai tidak menghormati tuan rumah dan biadap.

Menurut adat dan budaya rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu, kenyataan Gore dilihat sebagai kurang ajar dan biadap.

Mengikut norma dan nilai budaya orang Melayu apabila seseorang tetamu diundang ke rumah seseorang, dia mestilah menghormati tuan rumah dan tidak melakukan sesuatu yang boleh menyinggung perasaan atau menyentuh sensitiviti tuan rumah.

Ternyata Gore menyimpang jauh daripada norma orang Melayu dan Timur yang disanjung tinggi ini.

Ucapan Gore yang memuji keberanian segelintir rakyat Malaysia yang menyertai gerakan reformasi turut mendapat restu Rumah Putih.

Gore seolah-olah ingin menyampaikan mesej bahawa perhimpunan haram dan demonstrasi di jalan raya patut diteruskan dan sekali gus merestui tindakan yang bertentangan dengan undang-undang untuk menggulingkan kerajaan.

Provokasi Amerika ini juga menguatkan lagi sangkaan kita bahawa gerakan reformasi mungkin didalangi oleh kuasa luar tertentu.

Berdasarkan cara gerakan reformasi ini bergerak, kita dapat mengagak bahawa sejumlah wang yang besar diperlukan untuk membiayainya. Tidak mustahil wang ini datang daripada pihak luar termasuklah Amerika.

Kita tertanya-tanya sama ada dengan mengeluarkan ucapan kontroversi sedemikian, Gore yang dikatakan mempunyai aspirasi untuk bertanding bagi jawatan Presiden Amerika pada penggal akan datang berharap akan dapat mencerahkan lagi peluangnya.

Gore menggunakan platform ini sebagai strateginya untuk mendapat publisiti murah.

Beberapa hari sebelumnya, rakyat Malaysia tersinggung dengan kenyataan Setiausaha Negara Amerika, Madeleine Albright yang mempertikaikan kewibawaan sistem kehakiman negara ini dan mengkritik cara perbicaraan

Datuk Seri Anwar Ibrahim dikendalikan.

Kenyataan kedua-dua pemimpin tertinggi Amerika Syarikat ini memperlihatkan dan mengesahkan lagi trade mark negara itu sebagai kuasa luar yang sering mencampuri hal ehwal negara asing.

Sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, Malaysia tidak memerlukan campur tangan negara asing dan ia tidak mudah tunduk kepada sebarang tekanan luar termasuklah daripada kuasa besar dunia seperti Amerika.

Biarlah masalah dalaman negara ini diselesaikan secara aman dan mengikut proses undang-undang oleh rakyatnya sendiri.

Niat jahat Amerika ini tidak sedikit pun melemahkan ketahanan dan semangat rakyat Malaysia di dalam mengharungi masalah dalaman negara ini.

Rakyat Malaysia mampu menentukan hala tuju negara ini tanpa campur tangan kuasa luar.

Mereka berdiri teguh di belakang kerajaan di dalam mengecam Amerika yang cuba memecahkan perpaduan rakyat dan mengakibatkan ketidakstabilan politik di negara ini.